

## **Hubungan antara Gaya Pengurusan Konflik dan Kesejahteraan Psikologi Guru**

### **ABSTRACT**

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan gaya pengurusan konflik dengan kesejahteraan psikologi guru. Reka bentuk kajian adalah Kuantitatif dengan pendekatan tinjauan menggunakan satu set soal selidik. Responden kajian melibatkan seramai 291 guru sekolah rendah yang dipilih secara rawak berstrata di daerah Tawau. Objektif khusus kajian adalah meliputi mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru sekolah rendah, mengenal pasti gaya pengurusan konflik dan mengenal pasti hubungan antara gaya pengurusan konflik dan kesejahteraan psikologi Guru di Sekolah Rendah. Hasil kajian menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi guru secara keseluruhannya ada sederhana (Min 3.50). Hanya satu daripada lima gaya pengurusan konflik pada tahap tinggi iaitu gaya kolaborasi (Min 3.80). Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara Gaya Pengurusan Konflik dengan Kesejahteraan Psikologi adalah  $r=0.294$ ,  $p<0.05$ . Ini menunjukkan kedua boleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang lemah. Dapatkan kajian boleh dimanfaatkan oleh agensi berkaitan untuk terus memberikan perhatian kepada isu kesejahteraan psikologi guru serta gaya pengurusan konflik.